



25 APR, 2025

## Tun Ramli Ngah Talib tokoh pentadbiran berpengalaman luas

Sinar Harian, Malaysia



### Tun Ramli Ngah Talib tokoh pentadbiran berpengalaman luas

**GEORGE TOWN** - Tun Ramli Ngah Talib yang dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kesembilan mempunyai pengalaman dan pencapaian cukup luas dalam dunia politik dan pentadbiran negara.

Anak jati Pasir Salak, Perak dilahirkan pada 16 Mac 1941 membuktikan kebolehan kepimpinannya apabila menjawat jawatan Menteri Besar Perak kelapan selama 17 tahun bermula dari 1982 hingga 1999, sekali gus menjadikan beliau sebagai Menteri Besar Perak paling lama berkhidmat dalam sejarah negeri berkenaan.

Kerjaya politiknya bermula pada 1978

**RAMLI NGAH TALIB**

apabila dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kampung Gajah dan seterusnya dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

Selepas meninggalkan pentadbiran negeri, Ramli terus menyumbang di peringkat nasional sebagai Ahli Parlimen Pasir Salak bermula 2004 dan dalam penggal pertamanya sebagai wakil rakyat.

Beliau juga diberi kepercayaan mengetuai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebelum menjawat jawatan Yang Dipertua Dewan Rakyat dari 2004 hingga 2008.

Tun Ramli juga pernah memegang portfolio Timbalan Menteri Pengangkutan dari 2000 hingga 2004 dan kepimpinannya dalam UMNO juga terserah apabila menjadi Pengurus Badan Perhubungan UMNO Perak selama 16 tahun bermula dari 1984 hingga 2000 dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO selama lebih dua dekad.

Dari sudut akademik, Ramli mendapat pendidikan awal di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang berprestij dan kemudiannya melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di Queen's University, Belfast sebelum ditauliahkan sebagai Barrister-at-Law dari Lincoln's Inn, London.

Ketika berada di United Kingdom (UK), beliau turut aktif dalam Kesatuan Pelajar di Belfast dan menjadi pengarang majalah

Kesatuan Melayu United Kingdom.

Selepas kembali ke tanah air, Tun Ramli bertugas sebagai pensyarah undang-undang di Institut Teknologi MARA yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan juga pensyarah sambilan di Universiti Malaya pada awal 70-an.

Pada 1971, beliau dilantik sebagai penasihat undang-undang dalam pertama Lembaga Letrik Negara yang kini dikenali Tenaga Nasional Bhd (TNB), seterusnya menjadi peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya.

Beliau juga mengasaskan firma guaman Kadir, Tan & Ramli pada 1977.

Tun Ramli merupakan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang keempat bukan berbasal dari negeri itu. - Bernama